

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

TARIKH : 22 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos pembinaan, status terkini dan lokasi yang ditetapkan untuk pembinaan pasar awam di Parit Jawa Muar dan berapa unit bangku/gerai yang akan disediakan dalam fasiliti tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran peruntukan bagi pembinaan Pasar Awam Parit Jawa adalah sebanyak RM5.2 juta iaitu merangkumi pengambilan balik tanah sebanyak RM2.2 juta (peruntukan Kerajaan Negeri) dan RM3.0 juta bagi pembinaan pasar (peruntukan Kerajaan Persekutuan). Tapak cadangan projek adalah di tapak pasar sedia ada dan tapak bersebelahannya yang memerlukan pengambilan balik tanah. Pada masa ini proses pengambilan balik tanah sedang dijalankan. Komponen projek ini akan melibatkan 10 lot kedai, 4 buah gerai dan 98 unit bangku.

Sekian, terima kasih.